

120

SOALAN NO: 55

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Wong Ling Biu
[Sarikei]

TARIKH : 4 April 2018

SOALAN : PR-1361-L04682

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan selain menjual durian ke China, apakah industri hiliran dalam meningkatkan pengeksportan produk tambah nilai untuk durian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kebanyakan durian yang dieksport ke China adalah dalam bentuk *pulp* (isi) sejuk beku. Selain itu, terdapat juga pengeksportan yang dibuat dalam bentuk pes durian yang digunakan untuk produk pastry, kek dan lain-lain. Malaysia juga mengeksport produk hiliran durian seperti kopi durian, aiskrim, biskut, *frozen dried* durian, coklat dan *mooncake*.